

Jualan 2,000 orkid di UPM 3 hingga 8 Nov.



KUALA LUMPUR 13 Okt. - Orang ramai terutamanya peminat orkid berpeluang membeli pokok bernaikan yang didatangkan dalam pelbagai jenis spesies dan hibrid menarik pada harga murah sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvoesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-41 di Astaka Orkid, Bukit Ekspo, Serdang dekat sini bermula 3 hingga 8 November ini.

UPM dalam kenyataan berkata, ekspos bertemakan Nusantara *Garden* itu bakal menampilkan lebih 2,000 pokok orkid pelbagai jenis yang dijual bermula pada harga RM10 hingga RM50 sepokok.

"Antara jenis orkid yang unik dan menarik bakal dijual ialah *Phalaenopsis sp.*, *Vanda sp.*, *Arachnis sp.*, *Dendrobium sp.*, *Cattleya sp.*, *Oncidium sp.*, *Renanthera*, *Arundina*, *Aranda* dan *Mokara*.

"Pengunjung boleh membeli orkid dan pokok hiasan di situ," je-



LEBIH 2,000 pokok orkid akan dijual sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvoesyen UPM bermula 3 hingga 8 November ini.

las kenyataan itu baru-baru ini.

Menurut kenyataan itu lagi, ekspos tersebut juga bakal diserikan dengan penamaan spesies orkid baharu, *Vanilla Norashikiniana R* bersempena nama Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Per-

maisuri Norashikin.

Selain itu katanya, klinik penjagaan orkid secara percuma dan terbuka kepada semua pengunjung juga bakal diadakan pada pukul 2 petang setiap hari sepanjang ekspos itu berlangsung.